

25 AUG 1999

Habibie-Tiba

HABIBIE TIBA UNTUK LAWATAN SEHARI

SEPANG, 25 Ogos (Bernama) -- Presiden Indonesia B.J. Habibie tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja sehari.

Ketibaan beliau di Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, yang juga menteri pengiring.

Habibie akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara sebelum mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pusat pentadbiran baru persekutuan di Putrajaya.

Ini merupakan lawatan kedua Habibie ke Malaysia selepas menjadi presiden. Lawatan pertamanya pada November tahun lepas ialah bagi menghadiri mesyuarat forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Lawatan Habibie hari ini sebagai kunjungan balas lawatan Dr Mahathir ke Pulau Batam pada Mei.

Kedua-dua pemimpin dijadual mengadakan persidangan berita di akhir perbincangan dua hala mereka di Putrajaya.

Habibie diiringi rombongan 80 anggota termasuk menteri-menteri kabinet dan pegawai kanan kerajaan.

Presiden Indonesia itu dijadual berlepas pulang dengan pesawat khas lewat petang ini.

-- BERNAMA

NZ RON